



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS AGIHAN SUMBANGAN KASIH RAMADAN 2022**

26 APRIL 2022 (SELASA)

2.00 PETANG

DEWAN AL-JAZARI, PSA

**YBrs. DR. HJ MOHD ZAHARI BIN ISMAIL**  
**PENGARAH**  
**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabaraqatuh

Yang Dihormati Puan Che Nor Azila binti Che Ghani  
Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran Yayasan Pembangunan  
Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) Negeri Selangor

Yang Berusaha Ts. Rosman bin Mat Jidin  
Timbalan Pengarah Akademik  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman  
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Ahli-ahli mesyuarat pengurusan, para pensyarah serta  
kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Pelajar-pelajar yang dikasihi dan seterusnya hadirin dan hadirat  
sekalian.

2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah  
SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka kita  
dapat bersama-sama bagi menjayakan **MAJLIS AGIHAN  
SUMBANGAN KASIH RAMADHAN 2022.**

3. Pertamanya, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih  
kepada pihak Jawatankuasa Tabung Ihya' Ramadan Jabatan  
Kejuruteraan Awam kerana berjaya menganjurkan program ini  
dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan  
kepada pihak YaPEIM atas kesudian untuk turut bersama-sama

kita pada hari ini. YaPEIM adalah agensi yang sentiasa memberi sokongan dan bersama-sama PSA dalam menjayakan program seumpama ini. Terima kasih saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian,

4. Penganjuran majlis ini merupakan satu inisiatif PSA bagi menyantuni golongan yang kurang berkemampuan khususnya daripada kalangan pelajar dan kakitangan PSA termasuk pekerja-pekerja kontrak. Program yang diadakan saban tahun ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban terutamanya menjelang Syawal yang bakal tiba. Program ini juga selaras dengan program Ihya' Ramadan peringkat PSA yang bertemakan "Bersama Semarakkan Ramadan" yang menghimpunkan pelbagai aktiviti seperti Rewang Bubur Lambuk, Majlis Khatam al-Quran, Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Techno Huffaz, Majlis Penyampaian Sijil Tadabbur al-Quran 30 Juzuk serta Majlis Tahlil dan Iftar Perdana.

5. PSA berharap, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Program Ihya' Ramadhan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai satu keluarga PSA.

6. Untuk pengetahuan semua, PSA amat prihatin dan menitik beratkan konsep berkongsi rezeki serta amalan bersedekah. Melalui inisiatif program “*We Share We Care*” yang telah dilancarkan pada tahun 2020 dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Kelab Kebajikan Staf, kita sentiasa memantau keperluan warga PSA dari semasa ke semasa. Program ini juga turut mendapat sambutan warga PSA melalui sumbangan yang disampaikan secara berkala dalam dana yang disediakan.

7. Oleh yang demikian, saya berharap usaha-usaha sebegini dapat terus dijadikan amalan oleh warga PSA dan dijadikan contoh kepada generasi yang akan datang. Sesungguhnya amalan bersedekah dan berinfak tidak akan sesekali menyebabkan harta seseorang itu semakin berkurangan, namun ia dapat memerkayakan hati, membersihkan harta, memanjangkan usia serta melancarkan rezeki yang dikurniakan Allah SWT.

Hadirin Hadiran yang dirahmati Allah sekalian,

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Induk Program Ihya' Ramadan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Puan Haslina binti Hj Abdullah @ Mohamed. Mereka inilah yang telah menjadi tulang belakang dalam mengimarahkan program-program sepanjang bulan Ramadan ini.

9. Turut mendukung usaha murni ini ialah penglibatan Pusat Islam, Jabatan Akademik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pendidikan Latihan dan Lanjutan, Perpustakaan Ibnu Khaldun, Puspanita, Kelab Kebajikan, Koperasi PSA, Alumni serta semua Jabatan, Pusat dan Unit yang turut sama turun padang dan berganding bahu dalam memastikan program-program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerjasama seperti inilah yang kita harapkan dan dijadikan amalan dalam setiap pelaksanaan program-program PSA.

10. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada para penyumbang termasuk pihak YaPEIM yang turut menyalurkan sumbangan raya kepada 100 orang penerima yang layak pada hari ini. Moga usaha murni ini dapat meringankan beban mereka serta memperoleh keberkatanNya.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya kongsi sebuah hadis daripada Adi bin Hatim RA, katanya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Jagalah diri kalian dari api neraka walaupun hanya bersedekah dengan sepotong kurma.” Hadis riwayat Al-Bukhari.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima Kasih.